

27/11/1997

Menteri diminta bercuti dalam negara

KUALA LUMPUR, Rabu - Mesyuarat Kabinet hari ini memutuskan supaya menteri bercuti dalam negeri selaras dengan langkah jimat cermat.

"Mesyuarat jemaah menteri perakui keputusan yang dibuat oleh mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno minggu lalu.

"Sehubungan itu, kementerian akan meningkatkan galakan pelancongan domestik," kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik di pejabatnya selepas mesyuarat mingguan Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di luar negara untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di (Apec) di Vancouver, Kanada.

Katanya, keputusan Kabinet itu adalah teladan yang perlu dicontohi rakyat negara ini bagi menyahut gesaan kerajaan untuk mengawal pengaliran keluar pertukaran wang asing.

Mengenai hubungan Malaysia-Singapura pula, Sabbaruddin menyambut baik kenyataan Pemangku Perdana Menteri Singapura Brig Jen Lee Hsien Loong kelmarin bahawa republik itu mesti menguruskan perhubungan baik dengan Malaysia secara sensitif dan bekerjasama secara pragmatik bagi kepentingan bersama. - Bernama

(END)